

21/08/1999

Peluang menangi tiket sumbangan Star-LRT

SERI PETALING, Jumaat - Penumpang bertuah yang menghadiri majlis pelancaran Perayaan Seabad Malaysia Ke Alaf Baru di Stadium Putra, Bukit Jalil pada 30 Ogos ini, berpeluang memenangi tiket sumbangan Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star-LRT).

Ketua Pegawai Eksekutif Star-LRT, Zainal Abdul Ghani ketika mengumumkannya, berkata tiket bernilai RM20 itu dihadiahkan kepada setiap penumpang ke-500 yang tiba di stesen Star-LRT di Bukit Jalil.

Katanya, sumbangan hadiah berbentuk tiket itu bertujuan menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan itu untuk ke Bukit Jalil.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis perasmian promosi bersama antara Star-LRT dengan Genting Berhad yang diadakan di stesen Star-LRT, Bukit Jalil di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Tengku Alauddin Tengku Majid.

Dalam pada itu, Star-LRT akan mempamerkan sebanyak 150 poster promosi majlis pelancaran itu yang ditaja oleh Genting Berhad di dalam tren dan di semua stesennya.

Promosi bersama itu diadakan bagi menggalakkan lebih ramai rakyat di negara ini hadir pada majlis pelancaran itu.

"Sebanyak 10,000 pas percuma, 150 poster dan 2,000 risalah akan diedarkan kepada orang ramai bagi menggalakkan mereka untuk menghadiri majlis yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu," katanya.

Justeru, beliau meminta orang ramai yang ingin menghadiri majlis pelancaran itu supaya segera mendapatkan pas percuma itu di semua stesen Star-LRT.

Sementara itu, beliau juga berkata, orang ramai yang ingin menghadiri majlis pelancaran itu disarankan supaya menggunakan perkhidmatan Star-LRT bagi mengelakkan berlakunya kesesakan jalan raya di kawasan sekitar Bukit Jalil.

"Sempena majlis pelancaran itu, Star-LRT akan menyediakan perkhidmatannya hingga jam 2 pagi bagi memastikan orang ramai dapat pulang ke rumah mereka dengan selamat," katanya di sini hari ini.

Justeru, untuk memastikan tidak wujud sebarang masalah pada hari berkenaan, pihaknya akan menambah jumlah tren, selain memastikan setiap tren beroperasi dengan baik.

(END)